

D.R. 36/95

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 dan untuk membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang bersampingan atau berkaitan dengannya.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) (Pindaan) 1995 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

2. Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dalam subseksyen 2(1)— Pindaan kepada seksyen 2. Akta 453.

(a) dengan memasukkan selepas takrif "Akta" takrif yang berikut:

Akta 519. ' "Bank Negara Malaysia" ertinya Bank Negara yang ditubuhkan di bawah Akta Bank Negara Malaysia 1958;';

(b) dengan menggantikan takrif "kaedah-kaedah" dengan takrif yang berikut:

' "kaedah-kaedah", berhubung dengan sesuatu depositori pusat ertinya kaedah-kaedah sesuatu depositori pusat dan, termasuklah—

- (a) kaedah-kaedah yang terkandung dalam memorandum dan perkara-perkara persatuan atau dokumen konstituen yang lain bagi depositori pusat itu;
- (b) kaedah-kaedah untuk memastikan pematuhan mana-mana obligasi yang dikenakan oleh Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain oleh ejen depositori diberikuasanya, penggunaannya atau pendepositnya;
- (c) kaedah-kaedah yang berhubung dengan pengadaaan deposit, pemegangan, pemindahan dan pengeluaran sekuriti, dan penggantungan atau penarikbalikan perkhidmatan-perkhidmatan itu;
- (d) kaedah-kaedah untuk memperuntukkan orang yang boleh menyertai satu atau lebih daripada perkhidmatan yang disebut dalam perenggan (c); dan
- (e) kaedah-kaedah berkenaan dengan apa-apa perkara lain yang perlu atau dikehendaki bagi pengendalian dan pengurusan yang patut dan cekap akan depositori pusat, termasuklah kaedah-kaedah yang menetapkan fee dan caj;';

(c) dengan memasukkan selepas takrif "pasaran saham" takrif yang berikut:

' "Pegawai Penyiasat" ertinya seorang pegawai Suruhanjaya yang dilantik di bawah subseksyen 35(1) Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993;';

- (d) dengan memotong takrif "Pendaftar";
(e) dengan menggantikan takrif "pengguna" dengan takrif yang berikut:

' "pengguna" ertinya—

- (a) ejen depository diberikuasa;
(b) penerbit;
(c) bursa saham;
(d) pertubuhan perbadanan yang bertindak sebagai tempat penjelasan sesuatu bursa saham; atau
(e) mana-mana orang lain yang dinyatakan dalam kaedah-kaedah sesuatu depository pusat,

yang boleh diberikan akses kepada sistem komputer depository pusat itu;'; dan

- (f) dengan memasukkan selepas takrif "skrip" takrif yang berikut:

' "Suruhanjaya" ertinya Suruhanjaya Sekuriti yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993;'.
Akta 498.

3. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 3 dengan seksyen yang berikut:

Penggantian seksyen 3.

"Orang bersekutu. 3. (1) Tiada seorang pun boleh menubuhkan, menyenggarakan, mengendalikan atau mengemukakan dirinya sebagai mengadakan, menyenggarakan atau mengendalikan suatu sistem bagi pengendalian pusat sekuriti, sama ada disenaraikan pada mana-mana bursa saham atau tidak—

- (a) yang menurutnya kesemua sekuriti sedemikian didepositkan dengan dan dipegang dalam jagaan oleh, atau didaftarkan atas nama, orang itu atau penamanya bagi pendeposit dan urusniaga

berkenaan dengan sekuriti itu dilaksanakan dengan cara catatan dalam akaun-akaun tanpa penyerahan fizikal skrip-skrip; atau

- (b) yang membenarkan atau memudahkan penyelesaian transaksi atau urusan niaga sekuriti tanpa penyerahan fizikal skrip-skrip; atau
- (c) untuk mengadakan kemudahan dan perkhidmatan lain yang bersampingan dengannya.

(2) Subseksyen (1) tidaklah terpakai bagi—

- (a) sesuatu depository pusat;
- (b) Bank Negara Malaysia; dan
- (c) mana-mana orang yang dikecualikan oleh Menteri di bawah seksyen 62A.

(3) Seseorang yang melanggar peruntukan subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya."

Pindaan
seksyen 5.

4. Subseksyen 5(1) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perenggan (a) dengan perenggan yang berikut:

Akta 125

"(a) bahawa pemohon ialah suatu syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965, dan suatu bursa saham ialah pemegang syer pemohon;"

Pindaan
seksyen 6.

5. Subseksyen 6(2) Akta ibu adalah dipinda dalam subperenggan (c)(i) dengan menggantikan perkataan "Jawatankuasa Terbitan Modal yang ditubuhkan di bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1983" dengan perkataan "Suruhanjaya".

6. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 7 dengan seksyen yang berikut; Penggantian seksyen 7.

7. (1) Jika sesuatu depository pusat bercadang hendak membuat pindaan kepada kaedah-kaedahnya, depository pusat itu hendaklah mengemukakan kepada Suruhanjaya—

(a) teks pindaan yang dicadangkan itu; dan
(b) penerangan mengenai maksud pindaan yang dicadangkan itu.

Suruhanjaya hendaklah meluluskan pindaan kepada kaedah-kaedah depository pusat.

(2) Suruhanjaya hendaklah, dalam tempoh enam minggu selepas diterima apa-apa pindaan yang dicadangkan yang dikemukakan di bawah subseksyen (1), memberikan notis bertulis kepada depository pusat itu bahawa ia meluluskan, atau tak meluluskan pindaan yang dicadangkan itu, atau mana-mana bahagian pindaan yang dicadangkan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Tiada pindaan kepada kaedah-kaedah depository pusat boleh berkuatkuasa melainkan jika ia telah diluluskan secara bertulis oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen (2).

(4) Suruhanjaya boleh, melalui notis bertulis, mengisytiharkan mana-mana kelas kaedah-kaedah sesuatu depository pusat sebagai kelas kaedah-kaedah yang pindaan kepadanya tidak memerlukan kelulusan Suruhanjaya di bawah subseksyen (2), dan dengan demikian itu, apa-apa pindaan kepada kaedah-kaedah depository pusat itu yang termasuk dalam kelas itu hendaklah, tertakluk kepada subseksyen (6), mempunyai kuatkuasa walaupun ia tidak diluluskan sedemikian di bawah subseksyen (2).

(5) Jika Suruhanjaya berpendapat bahawa apa-apa pindaan kepada kaedah-kaedah sesuatu depository pusat yang dibuat di bawah subseksyen (4) tidak termasuk dalam kelas kaedah-kaedah

yang diisytiharkan oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen itu yang tidak menghendaki kelulusannya, Suruhanjaya boleh, selepas berunding dengan depositori pusat itu, menghendaki depositori pusat itu mengemukakan kaedah atau pindaan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, untuk kelulusannya di bawah subseksyen (2).

(6) Mana-mana kaedah yang dibuat atau dipinda oleh depositori pusat yang menjadi perkara kehendak yang dibuat oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen (5) hendaklah terhenti mempunyai kuatkuasa dari tarikh Suruhanjaya membuat kehendak sedemikian atau apa-apa tarikh selepas tarikh itu sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya:

Dengan syarat bahawa subseksyen ini tidaklah berkuatkuasa sehingga masa yang munasabah telah diberikan kepada depositori pusat itu untuk memberitahu orang yang tersentuh oleh kaedah atau pindaan itu.

(7) Walau apa pun peruntukan seksyen ini, Suruhanjaya boleh dari semasa ke semasa selepas berunding dengan sesuatu depositori pusat, melalui notis bertulis menghendaki sesuatu depositori pusat—

- (a) membuat apa-apa kaedah, dan dalam apa-apa tempoh yang ditentukan dalam notis itu; atau
- (b) meminda mana-mana kaedah, mengikut apa-apa cara dan dalam apa-apa tempoh yang ditentukan dalam notis itu.

(8) Sesuatu depositori pusat yang tidak mematuhi peruntukan subseksyen (1) atau tidak mematuhi kehendak atau notis bertulis yang dibuat di bawah subseksyen (5) atau (7) masing-masingnya adalah melakukan suatu kesalahan."

7. Seksyen 10 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 10.

- (a) dalam nota birai dengan menggantikan perkataan "Pendaftar" dengan perkataan "Suruhanjaya";
- (b) dalam subseksyen (1) dengan menggantikan perkataan "Pendaftar apa-apa bantuan yang semunasabahnya dikehendaki olehnya" dengan perkataan "Suruhanjaya apa-apa bantuan yang semunasabahnya dikehendaki oleh Suruhanjaya";
- (c) dalam subseksyen (2) dengan menggantikan perkataan "Pendaftar" dengan perkataan "Seseorang yang bertindak bagi pihak atau diberikuasa oleh Suruhanjaya";
- (d) dalam subseksyen (3)—
 - (i) dengan menggantikan perkataan "Pendaftar" dengan perkataan "seseorang yang bertindak bagi pihak atau yang diberikuasa oleh Suruhanjaya"; dan
 - (ii) dengan menggantikan perkataan "lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama suatu tempoh yang tidak melebihi satu tahun" dengan perkataan "satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama suatu tempoh yang tidak melebihi tiga tahun".

8. Seksyen 13 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 13.

- (a) dalam perenggan (1)(e) dengan menggantikan perkataan "yang ditetapkan oleh Menteri di bawah Akta ini" dengan perkataan "yang ditentukan oleh kaedah-kaedah sesuatu depository pusat"; dan
- (b) dalam subseksyen (2) dengan menggantikan perkataan "Pendaftar" di mana jua terdapat dengan perkataan "Suruhanjaya".

9. Seksyen 14 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 14.

- (a) dalam subseksyen (2) dengan memasukkan selepas perkataan "Inggeris" perkataan

",melainkan jika dikecualikan oleh Suruhanjaya secara bertulis";

(b) dalam subseksyen (3) dengan memasukkan selepas perkataan "menyatakan suatu tarikh" perkataan "ditetapkan"; dan

(c) dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

" (5) Jika sesuatu bursa saham telah menetapkan suatu sekuriti di bawah subseksyen (1) untuk didepositkan dengan depositori pusat, penetapan itu hendaklah terpakai bagi apa-apa penyenaian tambahan sekuriti sedemikian di bursa saham dan peruntukan subseksyen (1) dan (2) tidaklah terpakai berkenaan dengan penyenaian tambahan itu."

Pindaan
seksyen 15.

10. Seksyen 15 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dalam subseksyen (2) dengan memasukkan selepas perkataan "pasaran saham" perkataan "sesuatu bursa saham"; dan

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

" (5) Jika Suruhanjaya telah membuat suatu pengecualian di bawah subseksyen 14(2), tarikh pemberitahuan bagi maksud subseksyen (1) atau (3), mengikut mana-mana yang berkenaan, ialah tarikh yang ditentukan oleh bursa saham itu."

Pindaan
seksyen 17.

11. Seksyen 17 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dalam subseksyen (1) dengan memasukkan selepas perkataan "pasaran saham" perkataan "sesuatu bursa saham";

(b) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

" (2) Sesuatu sekuriti ditetapkan boleh, pada bila-bila masa selepas tarikh ditetapkan—

(a) didepositkan oleh seseorang pendeposit dengan suatu depository pusat; dan

(b) sekuriti sedemikian tidaklah boleh digunakan untuk menyelesaikan sesuatu transaksi yang dilakukan di suatu pasaran saham sesuatu bursa saham sebelum tarikh pendepositan sekuriti itu."; dan

(c) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

" (3) Walau apa pun peruntukan subseksyen (2), sesuatu sekuriti ditetapkan yang didepositkan oleh seorang pendeposit dengan depository pusat hendaklah boleh digunakan untuk menyelesaikan sesuatu transaksi yang dilakukan di suatu pasaran saham suatu bursa saham sebelum tarikh pendepositan sekuriti ditetapkan itu jika penerbit mendaftarkan pemindahan sekuriti di bawah skrip itu atas nama depository pusat atau syarikat namaannya dan menghantarkan skrip yang berkenaan kepada depository pusat sebelum tarikh penyelesaian transaksi itu mengikut kaedah-kaedah bursa saham.".

12. Seksyen 23 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dalam subseksyen (1) dengan memasukkan selepas perkataan "pasaran saham" perkataan "suatu bursa saham";

Pindaan
seksyen 23.

(b) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

" (2) Suatu sekuriti yang didepositkan semula dengan sesuatu depositori pusat tidaklah boleh digunakan untuk menyelesaikan sesuatu transaksi yang dilakukan di suatu pasaran saham suatu bursa saham sebelum tarikh pendepositan semula sekuriti itu melainkan jika mengikut subseksyen 17(3)."

Pindaan
seksyen 24.

13. Subseksyen 24(1) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "Menteri" dengan perkataan "Suruhanjaya".

Pindaan
seksyen 26.

14. Subseksyen 26(1) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "ditetapkan di bawah Akta ini" dengan perkataan "diperuntukkan dalam kaedah-kaedah depositori pusat itu".

Pindaan
seksyen 28.

15. Seksyen 28 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dalam subseksyen (2) dengan menggantikan perkataan "Pendaftar" di mana jua terdapat dengan perkataan "Suruhanjaya";

(b) dalam subseksyen (3) dengan menggantikan perkataan "Pendaftar boleh jika dia" dengan perkataan "Suruhanjaya boleh jika ia";

(c) dengan menggantikan subseksyen (4) dengan subseksyen yang berikut:

" (4) Jika Suruhanjaya tidak berpuas hati dengan laporan yang dikemukakan kepadanya oleh sesuatu depositori pusat di bawah subseksyen (2), dan menjalankan, atau melantik seorang juruaudit syarikat diluluskan untuk menjalankan, suatu pengiraan stok skrip-skrip menurut subseksyen (3), kos dan perbelanjaan yang dilakukan oleh Suruhanjaya atau juruaudit syarikat diluluskan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, berkenaan dengan pengiraan stok itu hendaklah ditanggung oleh depositori pusat itu.";

- (d) dalam subseksyen (5) dengan menggantikan perkataan "Pendaftar" di mana jua terdapat dengan perkataan "Suruhanjaya"; dan
- (e) dalam subseksyen (6) dengan menggantikan perkataan "Pendaftar" dengan perkataan "Suruhanjaya".

16. Subseksyen 34(6) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "Pendaftar" dengan perkataan "Suruhanjaya".

Pindaan
seksyen 34.

17. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 35 dengan seksyen yang berikut:

Penggantian
seksyen 35.

"Seorang
pendeposit
hendaklah
dianggap
seolah-
olah dia
seorang
anggota.
Akta 125.

Akta 125

35. (1) Tertakluk kepada subseksyen 41(2) dan walau apa pun peruntukan Akta Syarikat 1965, seseorang pendeposit mana-mana sekuriti telah-deposit yang namanya terdapat dalam rekod pendeposit adalah berhak kepada segala hak, faedah, kuasa dan keistimewaan dan tertakluk kepada segala liabiliti, kewajipan dan obligasi yang berkenaan dengan, atau yang berbangkit daripada, sekuriti itu (sama ada yang diberikan atau dikenakan oleh Akta Syarikat 1965, atau memorandum atau perkara-perkara persatuan penerbit, atau selainnya) seolah-olah dia ialah seorang anggota yang didaftarkan dalam daftar anggota atau seorang pemegang yang didaftarkan dalam daftar pemegang debentur yang disenggarakan oleh penerbit sekuriti itu atau seorang pemegang yang didaftarkan dalam daftar pemegang kepentingan yang disenggarakan oleh sesuatu syarikat pengurusan, mengikut mana-mana yang berkenaan, menurut Akta Syarikat 1965, dan bukannya deposited pusat itu, atau syarikat namaannya, yang atas namanya sekuriti telah-deposit itu didaftarkan.

(2) Walau apa pun peruntukan subseksyen (1), tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh ditafsirkan sebagai menyifatkan suatu rekod

- Akta 125.* pendeposit sebagai suatu daftar anggota yang disenggarakan menurut seksyen 158 Akta Syarikat 1965, suatu daftar pemegang debentur yang disenggarakan menurut seksyen 70 Akta Syarikat 1965 atau suatu daftar pemegang kepentingan yang disenggarakan menurut
- Akta 125.* seksyen 92 Akta Syarikat 1965.

(3) Walau apa pun peruntukan subseksyen (1), seseorang ejen depositori diberikuasa hendaklah mempunyai lien ke atas sekuriti telah-deposit yang belum berbayar yang dibeli untuk akaun seseorang pendeposit, termasuk semua kelayakan sedemikian ke atas segala hak, faedah, kuasa dan keistimewaan dan tertakluk kepada segala liabiliti, kewajipan dan obligasi yang disebut dalam subseksyen itu, dan hendaklah menguruskan sekuriti telah-deposit yang belum berbayar itu mengikut kaedah-kaedah bursa saham.

(4) Bagi maksud seksyen ini, "sekuriti telah-deposit" tidaklah termasuk sesuatu sekuriti yang dinyatakan dalam akaun sekuriti sebagai berada dalam gantungan menurut seksyen 41 atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya."

Pindaan
seksyen 41.

18. Seksyen 41 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan menomborkan semula peruntukan yang sedia ada sebagai subseksyen (1);
- (b) dalam subseksyen (1) dengan menggantikan perkataan "adalah berada" dengan perkataan "sebagai berada"; dan
- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

" (2) Dalam hal sesuatu sekuriti yang dinyatakan dalam akaun sekuriti sebagai berada dalam gantungan menurut perenggan (1)(e)—

- (a) hak, faedah, kuasa dan keistimewaan seseorang pendeposit; dan

(b) liabiliti, kewajipan dan obligasi seseorang pendeposit,

berkenaan dengan, atau yang berbangkit daripada penggantungan sekuriti sedemikian, hendaklah sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri melalui peraturan-peraturan di bawah Akta ini."

19. Seksyen 45 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 45.

- (a) dalam nota birai dengan menggantikan perkataan "*Ord. 61/58*" dengan perkataan "*Akta 519*";
- (b) dalam perenggan (1)(h) dengan menggantikan perkataan "Ordinan Bank Negara Malaysia 1958" dengan perkataan "Akta Bank Negara Malaysia 1958";
- (c) dalam perenggan (1)(i) dengan menggantikan perkataan "Pendaftar" dengan perkataan "Suruhanjaya"; dan
- (d) dalam subseksyen (2) dengan memasukkan selepas perkataan "Menteri" perkataan "atau Suruhanjaya".

20. Seksyen 46 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 46.

- (a) dalam subseksyen (1) dengan menggantikan perkataan "ditetapkan oleh Menteri melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini" dengan perkataan "ditentukan dalam kaedah-kaedah depositori pusat"; dan
- (b) dalam perenggan (3)(a) dengan memasukkan di hujung perenggan itu perkataan "atau di bawah mana-mana peraturan yang dibuat oleh Menteri di bawah perenggan 63(2)(r)".

21. Subseksyen 49(2) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "tiga" dengan perkataan "sepuluh".

Pindaan
seksyen 49.

- Pindaan seksyen 51. **22.** Seksyen 51 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "dua puluh lima ribu ringgit" dan "enam bulan" masing-masing dengan perkataan "lima ratus ribu ringgit" dan "lima tahun".
- Pindaan seksyen 52. **23.** Seksyen 52 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "Pendaftar" dengan perkataan "Suruhanjaya".
- Pindaan seksyen 53. **24.** Seksyen 53 Akta ibu adalah dipinda—
- (a) dalam nota birai dengan menggantikan perkataan "Pendaftar" dengan perkataan "Suruhanjaya";
 - (b) dalam subseksyen (1), (3) dan (4) dengan menggantikan perkataan "Pendaftar" di mana jua terdapat dengan perkataan "Suruhanjaya"; dan
 - (c) dalam subseksyen (6) dengan menggantikan perkataan "lima ratus ribu ringgit" dan "dua" masing-masing dengan perkataan "satu juta ringgit" dan "sepuluh".
- Pindaan seksyen 54. **25.** Seksyen 54 Akta ibu adalah dipinda—
- (a) dalam nota birai dengan menggantikan perkataan "Pendaftar" dengan perkataan "Pegawai Penyiasat"; dan
 - (b) dalam subseksyen (1) dengan menggantikan perkataan "Pendaftar" dengan perkataan "seorang Pegawai Penyiasat".
- Pindaan seksyen 55. **26.** Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 55 dengan seksyen yang berikut:
- "Penghalangan. **55.** Seseorang yang—
- (a) dengan sengaja menghalang atau menggalang—
 - (i) Suruhanjaya pada menjalankan kuasanya di bawah seksyen 53; atau

(ii) seorang Pegawai Penyiasat pada menjalankan kuasanya di bawah seksyen 54; atau

(b) tanpa alasan yang munasabah tidak memberikan kepada Suruhanjaya atau Pegawai Penyiasat apa-apa bantuan sebagaimana yang semunasabahnya dikehendaki olehnya,

adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama suatu tempoh yang tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya."

27. Seksyen 56 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 56.

(a) dalam nota birai dengan menggantikan perkataan "Pendaftar" dengan perkataan "Suruhanjaya";

(b) dalam subseksyen (1) dan (2) dengan menggantikan perkataan "Pendaftar boleh menghendaki sesuatu depositori pusat atau ejen depositori diberikuasanya untuk mendedahkan kepadanya" dengan perkataan "Suruhanjaya boleh menghendaki sesuatu depositori pusat atau ejen depositori diberikuasanya untuk mendedahkan kepada Suruhanjaya"; dan

(c) dalam subseksyen (3)—

(i) dengan menggantikan perkataan "Pendaftar" dengan perkataan "Suruhanjaya"; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan "lima puluh ribu" dan "satu" masing-masing dengan "satu juta" dan "sepuluh".

28. Seksyen 57 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "Pendaftar" di mana jua terdapat dengan perkataan "Suruhanjaya".

Pindaan
seksyen 57

Pindaan
seksyen 58.

29. Seksyen 58 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dalam perenggan (1)(a) dengan menggantikan perkataan "Pendaftar" dengan perkataan "Suruhanjaya"; dan
- (b) dalam subseksyen (3) dengan menggantikan perkataan "lima ratus ribu" dan "dua" masing-masing dengan perkataan "satu juta" dan "sepuluh".

Pindaan
seksyen 59.

30. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 59 dengan seksyen yang berikut:

"Penyimpanan rekod dan akaun

59. Sesuatu depositori pusat dan ejen-ejen depositori diberikuasanya hendaklah menyimpan semua rekod dan perhubungan berhubung dengan akaun seseorang pendeposit dan mana-mana rekod dan akaun lain yang akan dengan secukupnya menjelaskan transaksi dan pengendalian depositori pusat itu dan ejen-ejen depositori diberikuasa berhubung dengan sekuriti telah-deposit, bagi suatu tempoh selama tujuh tahun, sama ada atau tidak mereka terhenti menjalankan urusan mereka sebelum berakhirnya tempoh tujuh tahun itu."

Pindaan
seksyen 60.

31. Seksyen 60 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dalam nota birai dengan menggantikan perkataan "Pendaftar" dengan perkataan "Suruhanjaya";
- (b) dengan menomborkan semula peruntukan yang sedia ada sebagai subseksyen (1) dan dengan menggantikan perkataan "Pendaftar boleh" dengan perkataan " Suruhanjaya boleh, dengan persetujuan Pendakwa Raya";
- (c) dalam perenggan (1)(a) dan (b) dengan menggantikan perkataan "Pendaftar" dengan perkataan "Suruhanjaya"; dan

(d) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut;

" (2) Apa-apa wang yang dibayar kepada Suruhanjaya menurut subseksyen (1) hendaklah dibayar ke dalam dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan."

32. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 61 dengan seksyen yang berikut: Penggantian seksyen 61.

"Pendakwaan jenajah.

61. (1) Tiada pendakwaan bagi mana-mana kesalahan di bawah Akta ini boleh dimulakan kecuali dengan keizinan bertulis daripada Pendakwa Raya.

(2) Mana-mana pegawai Suruhanjaya yang diberikuasa oleh Pengerusi Suruhanjaya boleh menjalankan apa-apa pendakwaan bagi mana-mana kesalahan di bawah Akta ini.

Akta 498. (3) Bagi maksud subseksyen (2), "pegawai" mempunyai erti yang sama seperti dalam seksyen 2 Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993."

33. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 62 seksyen yang berikut: Seksyen baru 62A.

"Kuasa untuk mengecualikan.

62A. (1) Menteri boleh, jika difikirkannya tidak tak konsisten dengan maksud Akta ini atau demi kepentingan awam atau kepentingan pelabur awam, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengecualikan mana-mana orang atau sekuriti tertentu, atau apa-apa kelas, kategori atau perihalan orang atau sekuriti, daripada kesemua atau mana-mana peruntukan Akta ini.

(2) Suatu pengecualian di bawah subseksyen (1) hendaklah diberikan bagi apa-apa tempoh, dan boleh tertakluk kepada apa-apa had, sekatan atau syarat, sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri dalam perintah itu."

Pindaan
seksyen 63.

34. Seksyen 63 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dalam perenggan (2)(d) dengan memasukkan selepas perkataan "seksyen 41" perkataan ", termasuk hak, faedah, kuasa, keistimewaan, liabiliti, kewajipan dan obligasi seseorang pendeposit berkenaan dengan atau yang berbangkit daripada penggantungan sekuriti sedemikian;"
- (b) dengan memotong perenggan (2)(i) dan (l);
- (c) dalam perenggan (2)(n) dengan menggantikan perkataan "Pendaftar" dengan "Suruhanjaya"; dan
- (d) dengan memotong perenggan (2)(q).

Pemotongan
seksyen 65.

35. Akta ibu adalah dipinda dengan memotong seksyen 65.

Peruntukan
peralihan dan
kecualian.

36. (1) Semua tindakan, peraturan, perintah, arahan, pemberitahuan, kelulusan, keputusan dan tindakan eksekutif yang lain, tidak kira bagaimana jua sekalipun dinamakan, dibuat, diberikan, atau dilakukan di bawah, atau mengikut, atau menurut kuasa, Akta ibu sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini hendaklah dianggap telah dibuat, diberikan atau dilakukan di bawah, atau mengikut, atau menurut kuasa, peruntukan bersamaan Akta ini dan hendaklah terus berkuatkuasa dan berkesan penuh berhubungan dengan orang yang kepada mereka peruntukan itu terpakai sehingga dipinda, dimansuhkan atau dihapuskan di bawah, atau mengikut, atau menurut kuasa, peruntukan Akta ini.

(2) Apa-apa prosiding, sama ada sivil atau jenayah, atau kausa tindakan yang belum selesai atau yang wujud sebelum sahaja mula berkuatkuasanya Akta ini, oleh atau terhadap Pendaftar Syarikat atau mana-mana orang lain yang bertindak bagi pihak Pendaftar Syarikat boleh diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadap Pendaftar Syarikat sebagaimana yang ia mungkin diteruskan atau dibuat oleh atau terhadap Pendaftar Syarikat atau orang itu jika Akta ini belum diluluskan.

(3) Apa-apa rayuan yang dibawa atau apa-apa kebenaran untuk merayu yang dipohon pada atau selepas tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini terhadap sesuatu keputusan yang diberikan dalam mana-mana prosiding undang-undang sebelum hari itu boleh dibawa oleh atau terhadap Pendaftar Syarikat.

(4) Tiada apa-apa jua dalam Akta ibu atau Akta ini boleh menyentuh liabiliti mana-mana orang untuk didakwa atau dihukum bagi kesalahan yang dilakukan di bawah Akta ibu sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini atau apa-apa prosiding yang dibawa atau hukuman yang dikenakan, sebelum hari itu berkenaan kesalahan itu.

(5) Tertakluk kepada Akta ini, apa-apa hak, keistimewaan, obligasi atau liabiliti yang diperolehi, terakru atau dilakukan di bawah Akta ibu sebelum mula berkuatkuasa Akta ini dan apa-apa prosiding undang-undang atau remedi berkenaan dengan hak, keistimewaan, obligasi atau liabiliti sedemikian tidaklah tersentuh dan apa-apa prosiding undang-undang atau remedi itu boleh dibawa, diteruskan atau dikuatkuasakan seolah-olah Akta ini belum diluluskan.

(6) Sesuatu notis pindaan kepada kaedah-kaedah depositori pusat kepada Menteri di bawah subseksyen 7(1) Akta ibu yang diberikan sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini tidaklah mempunyai kuatkuasa melainkan jika notis itu dikemukakan atau disebabkan dikemukakan kepada Suruhanjaya selepas sahaja mula berkuatkuasanya Akta ini bagi kelulusan Suruhanjaya di bawah seksyen 7 Akta ibu sebagaimana yang dipinda oleh Akta ini.

(7) Jika apa-apa kesulitan timbul mengenai peruntukan-peruntukan kecualian dan peralihan di atas, Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, membuat apa-apa pengubahsuaian dalam peruntukan itu sebagaimana yang difikirkannya perlu untuk mengelakkan anomali.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 ("Akta").

2. *Fasal 1* memperkatakan perkara permulaan, termasuk kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh bagi mula berkuatkuasanya Akta ini.

3. *Fasal 2* bertujuan meminda subseksyen 2(1) untuk meminda takrif tertentu dan memasukkan takrif baru tertentu bagi perkataan tertentu yang digunakan dalam Akta, seperti berikut:

- (a) perenggan (a) mengadakan peruntukan bagi takrif "Bank Negara Malaysia" untuk memudahkan rujukan kepada Bank Negara Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Bank Negara Malaysia 1958;
- (b) perenggan (b) meminda takrif "kaedah-kaedah" untuk meluaskan dan menjelaskan takrifnya;
- (c) perenggan (c) memperuntukkan takrif baru "Pegawai Penyiasat" untuk memudahkan rujukan kepada Pegawai Penyiasat Suruhanjaya Sekuriti di bawah Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993;
- (d) perenggan (d) memotong takrif "Pendaftar" berikutan dengan pemindahan kuasa pengawalseliaan depositori pusat daripada Pendaftar Syarikat kepada Suruhanjaya;
- (e) perenggan (e) meminda takrif "pengguna" untuk membenarkan kaedah-kaedah depositori pusat menentukan kategori pengguna yang lain bagi depositori pusat ; dan
- (f) perenggan (f) mengadakan peruntukan bagi takrif "Suruhanjaya" untuk memudahkan rujukan kepada Suruhanjaya Sekuriti yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993.

4. *Fasal 3* bertujuan meminda seksyen 3 dengan melarang mana-mana orang daripada mengadakan perkhidmatan depositori pusat melainkan jika orang itu ialah depositori pusat, Bank Negara Malaysia atau dikecualikan oleh Menteri di bawah seksyen 62A.

5. *Fasal 4* bertujuan meminda seksyen 5 untuk menjelaskan bahawa depositori pusat hendaklah diperbadankan sebagai syarikat di bawah Akta Syarikat 1965.

6. *Fasal 5* bertujuan meminda subperenggan 6(2)(c)(i) Akta. Pindaan ini adalah untuk menggantikan Jawatankuasa Terbitan Modal, yang tidak lagi wujud, dengan Suruhanjaya.

7. *Fasal 6* bertujuan menggantikan seksyen 7 yang sedia ada dengan seksyen yang baru yang menggariskan prosedur untuk meminda kaedah-kaedah depositori pusat.

8. *Fasal 7* bertujuan meminda seksyen 10 dengan menggantikan Pendaftar dengan Suruhanjaya. Pindaan ini, yang terdapat juga dalam seksyen-seksyen lain, adalah untuk mengadakan struktur yang rasional bagi Suruhanjaya bagi menjadi pihak berkuasa menyelia yang tunggal bagi depositori pusat.

9. *Fasal 8* bertujuan meminda seksyen 13 untuk membolehkan depositori pusat menetapkan dalam kaedah-kaedahnya maksud bagi perlantikan ejen depositori diberikuasa. *Fasal* ini juga menggantikan Pendaftar dengan Suruhanjaya.

10. *Fasal 9* bertujuan meminda seksyen 14 untuk mengadakan peruntukan bagi kuasa Suruhanjaya mengecualikan bursa saham daripada kena menyiarkan notis penetapan dalam tiga akhbar kebangsaan harian dalam hal keadaan yang sesuai. Ini adalah untuk mengurangkan kos menetapkan sekuriti ke dalam sistem depositori pusat jika penyiaran selanjutnya adalah tidak diperlukan dan membazir. Sebagai contoh, dalam hal penyenaian baru akan sekuriti yang ditetapkan ke dalam depositori pusat, kaedah-kaedah penyenaian bursa saham dan Garis Panduan Sekuriti Bagi Penerbitan Baru Sekuriti Dan Penilaian Syarikat Awam Berhad akan menghendaki penerbit menyiarkan hakikat penetapan itu dalam prospektusnya dan akhbar. Dalam keadaan demikian, pemegang syer penerbit juga akan diberitahu pada mesyuarat agung syarikat yang diadakan bagi maksud penyenaian sekuriti syarikat itu di bursa saham. Oleh itu dengan menghendaki pemberitahuan yang selanjutnya oleh bursa saham hanya akan menamban kos penetapan sekuriti ke dalam sistem depositori pusat.

11. *Fasal 10* bertujuan meminda seksyen 15. Pindaan ini berbangkit daripada pindaan kepada seksyen 14.

12. *Fasal 11* bertujuan meminda seksyen 17 untuk membolehkan sekuriti ditetapkan yang didepositkan dengan depositori pusat digunakan untuk menyelesaikan suatu transaksi di pasaran saham suatu bursa saham jika penerbit sekuriti itu mendaftarkan pemindahan sekuriti itu bagi faedah depositori pusat itu dan menghantarkan perakuan yang berkenaan kepada depositori pusat itu.

13. *Fasal 12* bertujuan meminda seksyen 23, berikutan dengan pindaan kepada seksyen 17.

14. *Fasal 13* bertujuan meminda seksyen 24 untuk menggantikan Menteri dengan Suruhanjaya.

15. *Fasal 14* bertujuan meminda seksyen 26 untuk meletakkan tanggungjawab mengeluarkan pernyataan yang merupakan perkara operasi, dalam lingkungan kaedah-kaedah depositori pusat.
16. *Fasal 15* bertujuan meminda seksyen 28 dengan menggantikan Pendaftar dengan Suruhanjaya.
17. *Fasal 16* bertujuan meminda seksyen 34 dengan menggantikan Pendaftar dengan Suruhanjaya.
18. *Fasal 17* bertujuan meminda seksyen 35 yang memperkatakan hak dan obligasi depositori yang tertakluk kepada lien ke atas sekuriti belum berbayar bagi faedah ejen depositori diberikuasa. Subseksyen (3) menyatakan bahawa apa-apa urusniaga sekuriti belum berbayar hendaklah dikawalselia oleh kaedah-kaedah bursa saham.
19. *Fasal 18* bertujuan meminda seksyen 41 berikutan dengan pindaan kepada seksyen 35. Menteri diberikan kuasa untuk menentukan hak dan obligasi yang timbul daripada sekuriti yang berada dalam gantungan.
20. *Fasal 19* bertujuan meminda seksyen 45 dengan menggantikan Menteri dan Pendaftar dengan Suruhanjaya.
21. *Fasal 20* bertujuan meminda seksyen 46 untuk membolehkan depositori pusat mengawalselia akses kepada sistem komputernya, yang merupakan perkara operasi, melalui kaedah-kaedah depositori pusat. Walau bagaimanapun, Menteri boleh mengawalselia takat akses kepada sistem itu di bawah perenggan 46(2)(a) melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah perenggan 63(2)(r).
22. *Fasal 21* bertujuan meminda seksyen 49 dengan menaikkan penalti bagi memberikan pernyataan palsu dan mengelirukan daripada pemenjaraan selama tiga tahun kepada pemenjaraan selama sepuluh tahun. Ini adalah untuk menyelaraskan penalti dalam undang-undang sekuriti bagi pernyataan palsu dan mengelirukan.
23. *Fasal 22* bertujuan meminda seksyen 51 dengan menaikkan penalti dalam peruntukan bagi penalti am.
24. *Fasal 23* bertujuan meminda seksyen 52 dengan menggantikan Pendaftar dengan Suruhanjaya.
25. *Fasal 24* bertujuan meminda seksyen 53 dengan menggantikan Pendaftar dengan Suruhanjaya. Seksyen ini juga menambah penalti bagi pelanggaran seksyen ini.

PERINDUSTRIAN SEKURITI (DEPOSITORI PUSAT) 23
(PINDAAN)

26. *Fasal 25* bertujuan meminda seksyen 54 dengan menggantikan Pendaftar dengan Suruhanjaya dan Pegawai Penyiasat.
27. *Fasal 26* bertujuan meminda seksyen 55 berikutan dengan pemindahan kuasa daripada Pendaftar kepada Suruhanjaya.
28. *Fasal 27* bertujuan meminda seksyen 56 dengan menggantikan Pendaftar dengan Suruhanjaya. Seksyen ini juga menambah penalti bagi pelanggaran seksyen ini.
29. *Fasal 28* bertujuan meminda seksyen 57 dengan menggantikan Pendaftar dengan Pegawai Penyiasat.
30. *Fasal 29* bertujuan meminda seksyen 58 dengan menggantikan Pendaftar dengan Suruhanjaya. Seksyen ini juga menambah penalti bagi pelanggaran seksyen ini.
31. *Fasal 30* bertujuan meminda seksyen 59 dengan menghadkan jenis rekod yang perlu disimpan oleh depository pusat kepada rekod dan perhubungan berhubung dengan akaun pendeposit sahaja, yang mencukupi untuk menjelaskan transaksi dan pengendalian depository pusat dan ejen depository diberikuasa. Pindaan ini bertujuan mengurangkan kos menyimpan rekod oleh depository pusat.
32. *Fasal 31* bertujuan meminda seksyen 60 dengan menggantikan Pendaftar dengan Suruhanjaya. Sebagai tambahan Suruhanjaya diberikan kuasa mengkompaun kesalahan tertentu dengan persetujuan Pendakwa Raya. Wang yang dibayar akan dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.
33. *Fasal 32* bertujuan meminda seksyen 61 dengan memperuntukkan pendakwaan apa-apa kesalahan di bawah Akta hendaklah dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya dan boleh dijalankan oleh mana-mana pegawai diberikuasa Suruhanjaya.
34. *Fasal 33* bertujuan memasukkan seksyen baru 62A untuk memberi Menteri kuasa mengecualikan mana-mana orang atau sekuriti tertentu daripada peruntukan Akta jika ia tidak tak konsisten dengan maksud Akta atau kepentingan orang awam atau pelabur awam.
35. *Fasal 34* bertujuan meminda seksyen 63 berikutan dengan pindaan-pindaan dalam seksyen sebelumnya.
36. *Fasal 35* memotong seksyen 65 berikutan dengan pemindahan kuasa Pendaftar kepada Suruhanjaya.

37. *Fasal 36* memperuntukkan peruntukan peralihan dan kecualian.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1827.]